



LEMBAGA PELABUHAN-PELABUHAN SABAH  
(SABAH PORTS AUTHORITY)

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN**

Rujukan Fail : LPPS 500-9/12/2 Jld. 3

<b>1.</b>	a. Jawatan b. Jumlah Kekosongan c. Badan Berkanun Negeri d. Taraf Lantikan e. Kumpulan Perkhidmatan f. Klasifikasi Perkhidmatan	Penolong Pegawai Keselamatan, KP29 Satu (01) Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah ( <i>Sabah Ports Authority</i> ) <b>Tetap</b> Kumpulan Pelaksana Keselamatan Dan Pertahanan Awam
<b>2.</b>	Jadual Gaji	Gaji Minimum: RM1,493.00 Gaji Maksimum: RM5,696.00 Kenaikan Gaji Tahunan: RM145.00
<b>3.</b>	Syarat-Syarat Lantikan	<p>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>(a) warganegara Malaysia;</li><li>(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;</li><li>(c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred KP29: RM1,493.00); atau</li><li>(ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred KP29: RM1,493.00); atau</li><li>(iii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Sarjan atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik. (Gaji permulaan ialah pada Gred KP29: RM1,493.00); atau</li><li>(iv) diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred KP29: RM1,770.95).</li></ul> <p>dan (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>i. tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;</li><li>ii. berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;</li><li>iii. mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;</li><li>iv. mempunyai sekurang-kurangnya 79sm dan 84 sm ukuran dada yang biasa dan semasa menarik nafas (lelaki sahaja);</li></ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>v. lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;</li> <li>vi. pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan</li> <li>vii. diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.</li> </ul> <p><b>SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU</b></p> <p>2. Calon bagi lantikan dengan kelayakan di perenggan 1c(i), 1c(ii) dan 1c(iv) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.</p> <p><b>SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN</b></p> <p>3. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Keselamatan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke Jawatan Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. (i) mempunyai kelayakan 1(c); atau (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan</li> <li>b. Had umur pelantikan : <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan pegawai yang berumur persaraan paksa 55 tahun 56 tahun atau;</li> <li>(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan pegawai yang berumur persaraan paksa 58 tahun; atau</li> <li>(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang berumur persaraan paksa 60 tahun.</li> </ul> </li> </ul>
4.	Skim Perkhidmatan	Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Penolong Pegawai Keselamatan, Gred KP29 adalah tertakluk di bawah Skim Perkhidmatan tersebut yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
5.	Ringkasan Tugas	<p><b>a. Umum</b></p> <p>Bertanggungjawab menjalankan tugas dan tanggungjawab berkaitan khidmat nasihat keselamatan, memantau dan menguatkuasakan undang-undang, peraturan serta arahan mengenai kepolisian, kebombaan dan pematuhan <i>International Ship and Port Facility Security Code</i> (ISPS) terhadap semua kapal-kapal kargo, persiaran, minyak dalam Kawasan <i>Maritime Transport Security Area</i> (MTSA) Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah dan memastikan keselamatan Pelabuhan dan semua pengguna serta kakitangan Pelabuhan di seluruh Pelabuhan Sabah daripada sebarang ancaman keselamatan.</p> <p><b>b. Khusus</b></p> <p>Akan ditetapkan oleh Pengurus Besar mengikut keperluan perkhidmatan dan tugas.</p>

<p><b>6.</b></p>	<p>Cara Memohon</p>	<p>Permohonan mestilah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan Kerja yang boleh dimuat turun di laman web rasmi Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah di <a href="http://www.lpps.sabah.gov.my">www.lpps.sabah.gov.my</a>.</p> <p>Permohonan mestilah disertakan dengan salinan (disahkan) sijil-sijil berikut :-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Kad pengenalan dan sijil kelahiran;</li> <li>b. Diploma berserta transkrip;</li> <li>c. Sijil-sijil PMR, SPM; dan</li> <li>d. Sijil-sijil lain yang berkaitan.</li> </ul> <p>Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada :</p> <p><b>Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah Beg Berkunci No. 2005 88617 Kota Kinabalu, Sabah</b></p> <p>Tarikh tutup permohonan adalah pada <b><u>04 November 2020</u></b> Permohonan yang lewat diterima tidak akan dilayan.</p>
<p><b>7.</b></p>	<p>Sesi Temuduga</p>	<p>Hanya pemohon yang layak selepas tapisan akan disenarai pendek dan akan dipanggil untuk sesi temuduga.</p> <p>Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh enam (6) bulan dari tarikh tutup permohonan adalah dianggap tidak berjaya.</p>